

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015**

**SOALAN :**

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ] minta  
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan  
berapakah saman yang telah dikenakan dan atas kesalahan apakah  
telah Kementerian kenakan kepada Eastern Steel di Teluk Kalong,  
Kemaman, Terengganu.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengoperasian Syarikat Eastern Steel di Teluk Kalong, Kemaman, Terengganu telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Kepada Alam Sekeliling Terperinci (DEIA) pada 27 Januari 2010.

Jumlah kompaun yang telah dikenakan ke atas Syarikat Eastern Steel di Teluk Kalong, Kemaman, Terengganu bagi tahun 2014 ialah RM16,000.00 bagi kesalahan di bawah Peraturan 36 dan 38, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 iaitu pemasangan alat pembakaran bahanapi dan juga cerobong tanpa Kelulusan Bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Kilang ini dalam peringkat '*pre-commissioning*' dan dijangka beroperasi pada bulan Jun 2015

Sekian, terima kasih.